

SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN PENDAFTARAN PEMBEKAL PRODUK BAGI INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(Dikemas kini pada 30 Jun 2023)

No.	Soalan	Jawapan
	<u>AM</u>	
1.	Perluakah berdaftar sebagai pembekal produk dengan SPAN?	<p>Mana-mana pembekal yang ingin membekalkan pemasangan, peranti atau kelengkapan yang berhubungan dengan sistem bekalan air, sistem pemetungan, tangki septik, perpaipan pemetungan dalaman individu atau perpaipan pemetungan dalaman bersama (secara kolektifnya disebut sebagai produk) adalah wajib berdaftar dengan SPAN sebelum produk tersebut dibekalkan atau digunakan di dalam industri. Ia adalah selaras dengan keperluan yang telah termaktub di bawah Seksyen 129 (1) dan 180(m), Akta 655, Akta Industri Perkhidmatan Air (IPA) 2006.</p> <p>Seksyen 129 (1) <i>“Seseorang yang menggunakan atau membekalkan apa-apa kelengkapan, peranti, bahan, sistem atau kemudahan yang tidak standard yang diketahuinya atau yang dia mempunyai alasan untuk mempercayai adalah kelengkapan, peranti, bahan, sistem atau kemudahan tidak standard untuk digunakan bagi tujuan memasang, menjalankan atau mengendalikan kelengkapan, peranti, bahan, sistem atau kemudahan itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya”.</i></p> <p>Seksyen 180 (m) <i>“Suruhanjaya dibenarkan membuat kaedah-kaedah semua perkara yang berhubungan dengan pendaftaran orang yang membekalkan pemasangan, peranti atau kelengkapan yang berhubungan dengan sistem bekalan air, sistem pemetungan, tangki septik, perpaipan pemetungan dalaman individu atau perpaipan pemetungan dalaman bersama”.</i></p>
2.	Siapakah yang ditakrifkan sebagai pembekal?	Pembekal ertinya pengilang, pengimport atau pengedar sesuatu produk, termasuk ejen atau wakil yang membekalkan atau mengedarkan produk tersebut kepada pengguna, tetapi tidak termasuk peruncit .

**SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN PENDAFTARAN PEMBEKAL PRODUK BAGI INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(Dikemas kini pada 30 Jun 2023)**

No.	Soalan	Jawapan
3.	Adakah terdapat dokumen yang boleh dirujuk bagi tujuan pendaftaran?	Pembekal boleh merujuk Garis Panduan Pendaftaran Pembekal (Garis Panduan) yang terdapat di laman sesawang SPAN melalui pautan berikut: https://www.span.gov.my/document/upload/8bcngHfJvsb7einetNoOW92YRe5KKNft.pdf
4.	Bagaimana ingin berdaftar sebagai pembekal dengan SPAN?	Permohonan pendaftaran pembekal adalah secara atas talian (online) melalui sistem e-Registration di laman sesawang SPAN melalui pautan berikut: http://www.span.gov.my/article/view/e-registration Pembekal perlu memastikan produk yang tersenarai di dalam Garis Panduan tersebut menepati keperluan-keperluan pendaftaran. Semua dokumen perlu dimuat naik di laman sesawang e-Registration tersebut.
5.	Berapa lama masa yang diperlukan untuk memperoleh kelulusan pendaftaran pembekal?	21 hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan pendaftaran diterima daripada pembekal.
6.	Berapakah bayaran yang dikenakan kepada pembekal yang ingin membuat pendaftaran?	Tidak ada bayaran untuk pendaftaran pembekal produk dikenakan.
7.	Sekiranya produk yang hendak dibekalkan atau digunakan tiada di dalam Garis Panduan, apa yang perlu dilakukan?	Hanya produk yang disenaraikan di dalam Garis Panduan perlu pendaftaran pembekal. SPAN sentiasa mengemas kini Garis Panduan dari semasa ke semasa. Namun, pembekal boleh mengemukakan surat rasmi berserta maklumat produk kepada Bahagian Pembangunan dan Audit Industri untuk semakan lanjut.

**SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN PENDAFTARAN PEMBEKAL PRODUK BAGI INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(Dikemas kini pada 30 Jun 2023)**

No.	Soalan	Jawapan								
8.	Bagaimana sijil penyenaraian/ pendaftaran boleh diperolehi?	Bermula 1 Jun 2021, SPAN tidak lagi mengeluarkan surat/sijil kelulusan dalam bentuk <i>hard copy</i> . Kini, surat/sijil kelulusan dijana secara automatik oleh sistem sejourus sahaja permohonan tersebut diluluskan. Pembekal boleh menyemak surat kelulusan tersebut dengan log in pada sistem e-Registration seperti biasa dan klik pada bahagian <i>detail</i> untuk cetakan sijil.								
9.	Bagaimana saya hendak semak status permohonan saya?	<p>Status permohonan boleh disemak melalui sistem e-registration dengan <i>log in</i> akaun pembekal.</p> <table border="1" data-bbox="772 528 2027 951"> <tbody> <tr> <td data-bbox="772 528 1016 584">Process:</td> <td data-bbox="1016 528 2027 584">Permohonan masih dalam tindakan pegawai SPAN</td> </tr> <tr> <td data-bbox="772 584 1016 639">Approved:</td> <td data-bbox="1016 584 2027 639">Permohonan telah diluluskan</td> </tr> <tr> <td data-bbox="772 639 1016 775">Not Approved:</td> <td data-bbox="1016 639 2027 775">Permohonan tidak diluluskan. Pembekal perlu semak ulasan yang dikeluarkan dan kemukakan semula permohonan dengan mematuhi ulasan tersebut</td> </tr> <tr> <td data-bbox="772 775 1016 951">Terminated:</td> <td data-bbox="1016 775 2027 951">Pegawai akan batalkan permohonan sekiranya terdapat permohonan daripada pembekal secara bertulis/e-mel dengan menyatakan alasan kukuh atau pembekal mengemukakan permohonan berulang untuk produk yang sama</td> </tr> </tbody> </table>	Process:	Permohonan masih dalam tindakan pegawai SPAN	Approved:	Permohonan telah diluluskan	Not Approved:	Permohonan tidak diluluskan. Pembekal perlu semak ulasan yang dikeluarkan dan kemukakan semula permohonan dengan mematuhi ulasan tersebut	Terminated:	Pegawai akan batalkan permohonan sekiranya terdapat permohonan daripada pembekal secara bertulis/e-mel dengan menyatakan alasan kukuh atau pembekal mengemukakan permohonan berulang untuk produk yang sama
Process:	Permohonan masih dalam tindakan pegawai SPAN									
Approved:	Permohonan telah diluluskan									
Not Approved:	Permohonan tidak diluluskan. Pembekal perlu semak ulasan yang dikeluarkan dan kemukakan semula permohonan dengan mematuhi ulasan tersebut									
Terminated:	Pegawai akan batalkan permohonan sekiranya terdapat permohonan daripada pembekal secara bertulis/e-mel dengan menyatakan alasan kukuh atau pembekal mengemukakan permohonan berulang untuk produk yang sama									
10.	Bolehkah pembekal produk dari luar negara berdaftar dengan SPAN?	Tidak. Hanya agen/syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dan berdaftar dengan SSM (Suruhanjaya Syarikat Malaysia) sahaja yang boleh berdaftar dengan SPAN. Oleh itu, pembekal dari luar negara tersebut perlu melantik agen/syarikat di Malaysia untuk melaksanakan pendaftaran pembekal produk dengan SPAN.								
11.	Bolehkan saya berdaftar sebagai pembekal walaupun produk yang dibekalkan saya tidak termasuk di dalam senarai SPAN?	Produk baharu selain yang tersenarai dalam Garis Panduan perlulah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya melalui Bahagian Pembangunan dan Audit Industri. Oleh yang demikian, pembekal boleh mengemukakan surat rasmi berserta maklumat produk sebagaimana Lampiran (Ringkasan bagi Permohonan Produk/Standard Baharu) kepada Bahagian ini untuk proses selanjutnya.								

**SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN PENDAFTARAN PEMBEKAL PRODUK BAGI INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(Dikemas kini pada 30 Jun 2023)**

No.	Soalan	Jawapan
12.	Bolehkah pembekal menggunakan logo SPAN bagi tujuan pengiklanan dan promosi seperti meletakkannya di dalam katalog produk?	Tidak. SPAN tidak membenarkan penggunaan logo SPAN untuk sebarang tujuan pengiklanan. Namun yang demikian, pihak tuan boleh menggunakan nombor pendaftaran pembekal dengan SPAN di katalog produk bagi menunjukkan pendaftaran dengan SPAN.
<u>SISTEM e-REGISTRATION</u>		
13.	Apakah sistem e-Registration?	Ia adalah aplikasi pendaftaran dalam talian melalui Internet. Ini untuk memudahkan pembekal membuat pendaftaran atau memperbaharui pendaftaran secara dalam talian melalui www.span.gov.my
14.	Bagaimanakah cara untuk <i>reset password</i> bagi sistem <i>e-registration</i> ?	Pembekal perlu memaklumkan e-mel yang terkini (sekiranya terdapat perubahan daripada dalam sistem) kepada pegawai SPAN melalui e-mel product@span.gov.my , kami akan <i>reset</i> semula dan <i>password</i> baharu akan dihantar kepada e-mel pembekal tersebut.
15.	Apakah yang perlu dilakukan sekiranya saiz dokumen terlalu besar dan tidak dapat dimuat naik di dalam sistem?	Pihak pembekal perlu scan dokumen secara berasingan dan masukkan di dalam ruangan <i>others</i> . Saiz setiap dokumen hendaklah tidak melebihi 3MB.
16.	Apakah yang perlu dilakukan sekiranya sistem menunjukkan perkataan <i>ERROR</i> dan tidak boleh meneruskan proses pendaftaran?	Kesalahan format adalah salah satu faktor yang menyebabkan berlakunya <i>ERROR</i> dan butang <i>Next</i> tidak boleh ditekan. Perlu semak maklumat seperti format bagi no telefon, nama dan lain-lain perkara di dalam borang pendaftaran tersebut dengan memastikan format adalah betul.

**SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN PENDAFTARAN PEMBEKAL PRODUK BAGI INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(Dikemas kini pada 30 Jun 2023)**

No.	Soalan	Jawapan				
<u>KAEDAH PENDAFTARAN</u>						
17.	Apabila membuat permohonan, kami melihat terdapat pendaftaran di bawah kategori A dan Kategori B. Bagaimanakah kami ingin mengetahui kategori mana yang perlu kami pilih?	<p>Pendaftaran pembekal pembekal ini terbahagi kepada dua kategori iaitu Kategori A dan Kategori B dengan takrifkan seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="772 416 2027 742"> <tr> <td data-bbox="772 416 981 512">Kategori A</td> <td data-bbox="981 416 2027 512">Bagi produk-produk yang dikenalpasti mempunyai standard dan boleh dipersijilkan sepenuhnya oleh badan-badan pensijilan yang diiktiraf oleh SPAN.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="772 512 981 742">Kategori B</td> <td data-bbox="981 512 2027 742"> <p>Bagi produk-produk yang tidak mempunyai standard atau produk-produk yang dikenalpasti mempunyai standard hanya untuk pengujian dan bukannya pensijilan.</p> <p>Kaedah penilaian adalah berdasarkan kepada penilaian pengujian prestasi berdasarkan standard/ spesifikasi atau melalui pelaksanaan projek perintis.</p> </td> </tr> </table> <p>Kategori ini boleh dirujuk di dalam Garis Panduan di pautan berikut: https://www.span.gov.my/document/upload/8bcngHfJvsb7einetNoOW92YRe5KKNft.pdf</p>	Kategori A	Bagi produk-produk yang dikenalpasti mempunyai standard dan boleh dipersijilkan sepenuhnya oleh badan-badan pensijilan yang diiktiraf oleh SPAN.	Kategori B	<p>Bagi produk-produk yang tidak mempunyai standard atau produk-produk yang dikenalpasti mempunyai standard hanya untuk pengujian dan bukannya pensijilan.</p> <p>Kaedah penilaian adalah berdasarkan kepada penilaian pengujian prestasi berdasarkan standard/ spesifikasi atau melalui pelaksanaan projek perintis.</p>
Kategori A	Bagi produk-produk yang dikenalpasti mempunyai standard dan boleh dipersijilkan sepenuhnya oleh badan-badan pensijilan yang diiktiraf oleh SPAN.					
Kategori B	<p>Bagi produk-produk yang tidak mempunyai standard atau produk-produk yang dikenalpasti mempunyai standard hanya untuk pengujian dan bukannya pensijilan.</p> <p>Kaedah penilaian adalah berdasarkan kepada penilaian pengujian prestasi berdasarkan standard/ spesifikasi atau melalui pelaksanaan projek perintis.</p>					
18.	Apakah syarat atau dokumen yang perlu dikemukakan untuk membuat pendaftaran di bawah Kategori A?	<p>Dokumen-dokumen berkaitan boleh merujuk kepada Garis Panduan di pautan berikut: https://www.span.gov.my/document/upload/8bcngHfJvsb7einetNoOW92YRe5KKNft.pdf</p> <p>Selain daripada itu, dokumen penting yang perlu dikemukakan adalah Pensijilan Barangan yang dikeluarkan oleh badan-badan pensijilan sama ada tempatan atau luar negara yang diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia. Keperluan pensijilan produk ini juga mestilah daripada badan-badan pensijilan yang mempunyai Skim Akreditasi Produk Type 5.</p>				
19.	Apakah maksud Badan Pensijilan yang mempunyai Skim Akreditasi Produk <i>Type 5</i> ?	<p>Ia adalah merupakan Skim Akreditasi Produk di bawah ISO/IEC 17067:2013 yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia kepada badan-badan pensijilan. Boleh rujuk dokumen ISO/IEC 17067:2013 untuk maklumat lanjut. Dokumen ini boleh dibeli melalui pautan https://www.iso.org/standard/55087.html</p>				

**SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN PENDAFTARAN PEMBEKAL PRODUK BAGI INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(Dikemas kini pada 30 Jun 2023)**

No.	Soalan	Jawapan
20.	Bagaimana ingin memastikan Badan Pensijilan diakreditasi di bawah Skim Akreditasi Produk <i>Type 5</i> ?	Bagi Badan Pensijilan di Malaysia, pembekal boleh merujuk kepada laman sesawang Badan Pensijilan tersebut atau laman sesawang Jabatan Standard Malaysia www.jsm.gov.my . Manakala bagi Badan Pensijilan luar negara, pembekal perlu mendapatkan pengesahan daripada Badan Pensijilan itu sendiri secara bertulis dan kemukakan kepada SPAN sebagai dokumen tambahan ketika membuat permohonan pendaftaran.
21.	Apakah syarat atau dokumen yang perlu dikemukakan untuk membuat pendaftaran di bawah Kategori B?	Dokumen-dokumen berkaitan boleh merujuk kepada Garis Panduan di pautan berikut: https://www.span.gov.my/document/upload/8bcngHfJvsb7einetNoOW92YRe5KKNft.pdf Selain daripada itu, dokumen penting yang perlu dikemukakan adalah laporan pengujian daripada badan pengujian/badan pensijilan/badan penilai/makmal-makmal samada tempatan atau luar negara yang diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia. Makmal-makmal yang dilantik juga mestilah mempunyai pengiktirafan akreditasi berdasarkan ISO/IEC 17025.
22.	Syarat yang dikenakan kepada produk di bawah Kategori B adalah dengan mengemukakan laporan pengujian. Berapa lamakah tempoh sah laporan pengujian tersebut?	Laporan pengujian yang dikemukakan mestilah tidak boleh melebihi tempoh lima (5) tahun.
23.	Berapakah tempoh kelulusan yang diberikan bagi produk di bawah Kategori A dan B?	Kategori A: Satu (1) tahun atau mengikut tarikh tamat pensijilan barangan yang telah diperolehi daripada badan-badan pensijilan. Kategori B: Dua (2) tahun daripada tarikh permohonan
24.	Adakah boleh sekiranya kami ingin mendaftar dengan produk dari jenama (<i>brand</i>) yang sama	Tidak boleh, pendaftaran adalah menghadkan pendaftaran sesuatu produk (berdasarkan jenama) kepada satu pembekal sahaja. Perkara ini turut dinyatakan di dalam Garis Panduan seperti berikut:

**SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN PENDAFTARAN PEMBEKAL PRODUK BAGI INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(Dikemas kini pada 30 Jun 2023)**

No.	Soalan	Jawapan
	yang telah didaftarkan oleh pembekal lain?	“Kecuali untuk produk bahan kimia, SPAN tidak akan menerima sebarang permohonan untuk produk yang sama daripada dua (2) pembekal. Pengilang/ pemilik (principal) perlu memutuskan salah satu daripada mereka sebagai agen produk mereka”
25.	Bagaimanakah sekiranya kami adalah pembekal yang dilantik oleh pemilik/prinsipal sedangkan produk ini dahulunya telah didaftarkan oleh pembekal lain?	<p>Pembekal boleh membuat permohonan <i>change of supplier</i> di mana permohonan ini akan dilakukan secara manual oleh pegawai SPAN yang proses permohonan tersebut.</p> <p>Pembekal perlu mengemukakan bukti bahawa ia adalah pembekal yang terkini dilantik oleh pemilik/prinsipal tersebut.</p> <p>Dokumen-dokumen lain yang perlu dikemukakan adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Surat pelantikan pembekal baru oleh syarikat prinsipal/pemilik produk ii. Surat <i>termination</i> daripada syarikat prinsipal/pemilik produk kepada pembekal terdahulu iii. Maklumat-maklumat pendaftaran syarikat (SSM) pembekal baharu iv. Pensijilan barangan daripada badan pensijilan/ laporan pengujian yang masih sah tempoh; yang mana berkaitan dengan produk v. Surat Akuan Sumpah iaitu yang menyatakan bahawa pihak pembekal baharu akan bertanggungjawab ke atas semua produk yang didaftarkan oleh pembekal lama tersebut. (rujuk lampiran)
26.	Kami telah menukar Badan Pensijilan yang mengeluarkan sijil produk kami. Apa perlu kami lakukan untuk mendaftarkan produk tersebut?	Pembekal perlu membuat permohonan pendaftaran di bawah kategori Baharu (<i>New</i>).
27.	Kilang pengeluar produk kami dari luar negara. Bolehkah kami daftar	Boleh, namun syarikat daripada negara luar perlu melantik syarikat pembekal yang berdaftar di Malaysia bagi membuat pendaftaran pembekal produk sebelum ia boleh dibekalkan di Malaysia.

**SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN PENDAFTARAN PEMBEKAL PRODUK BAGI INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(Dikemas kini pada 30 Jun 2023)**

No.	Soalan	Jawapan
	produk tersebut untuk digunakan di Malaysia?	
28.	Apakah itu <i>Surveillance Audit Report</i> ?	<i>Surveillance Audit Report</i> adalah laporan yang dikeluarkan oleh pihak badan pensijilan untuk memastikan pematuhan terus terhadap standard produk yang berkaitan. Pihak badan pensijilan akan melaksanakan audit untuk memutuskan samada skim pensijilan produk dikekalkan, diperbaiki dan dibetulkan seperti yang diperlukan standard. Mohon rujuk badan pensijilan yang dilantik pembekal untuk maklumat lanjut.
<u>PROJEK PERINTIS/ PENILAIAN VALIDASI BERDASARKAN SPAN TS 3007 / SPAN TS 3008</u>		
29.	Bagaimanakah cara untuk mendaftarkan produk di bawah projek perintis?	Pembekal boleh merujuk kepada Garis Panduan di pautan berikut: https://www.span.gov.my/document/upload/8bcngHfJvsb7einetNoOW92YRe5KKNft.pdf
30.	Apakah prosedur pendaftaran bagi produk di bawah penilaian validasi berdasarkan SPAN TS 3007 / SPAN TS 3008?	Berikut adalah prosedur pendaftaran pembekal produk yang menggunakan SPAN TS 3007/ SPAN TS 3008: <ul style="list-style-type: none"> i. Pembekal mengemukakan permohonan melalui sistem e-Registration. ii. SPAN mengemukakan surat notis untuk pematuhan kepada SPAN TS 3007 / SPAN TS 3008 iii. Pembekal perlu melantik Badan Penilai yang diiktiraf SPAN. iv. Pembekal perlu mendapatkan lokasi pemasangan untuk pelaksanaan pengujian. Sepanjang tempoh pengujian ini, sebarang pemasangan atau penggunaan produk yang diuji di lokasi lain adalah tidak dibenarkan sama sekali. v. Pembekal perlu mengemukakan maklumat perincian dan laporan cadangan berdasarkan SPAN TS 3007 / SPAN TS 3008 kepada Badan Penilai yang dilantik. vi. Badan Penilai perlu memastikan laporan cadangan adalah lengkap dan mengemukakan ringkasan laporan cadangan berdasarkan SPAN TS 3007 / SPAN TS 3008 kepada SPAN vii. SPAN akan mengeluarkan Surat Kebenaran Mula Kerja. Perlaksanaan pemantauan di tapak dilaksanakan berdasarkan laporan cadangan yang telah dikemukakan. Sebarang

**SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN PENDAFTARAN PEMBEKAL PRODUK BAGI INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(Dikemas kini pada 30 Jun 2023)**

No.	Soalan	Jawapan
		<p>perubahan atau modifikasi terhadap rekabentuk produk perlulah mendapat pengesahan badan penilai serta memaklumkan kepada SPAN.</p> <p>viii. Badan Penilai perlu kemukakan laporan penilaian akhir kepada SPAN setelah pengujian lengkap.</p> <p>ix. Sijil Kelulusan Produk akan dikeluarkan setelah kelulusan daripada Suruhanjaya diperolehi (untuk sistem) / Sijil kelulusan akan dikeluarkan setelah laporan penilaian akhir dikemukakan (untuk sub-sistem).</p>

SURAT AKUAN SUMPAAH

Saya,.....alamat.....
.....adalah **warganegara Malaysia** yang cukup umur dan dengan ini sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:-

1. Saya adalah pengarah syarikat
.....
2. Dengan ini syarikat saya ingin memohon lanjutan tempoh masa bagi mengemukakan dokumen
bagi produk berikut:
 - I.
 - II.
 - III.
3. Saya berjanji akan mengemukakan dokumen tersebut pada pembaharuan akan datang.
4. Tujuan saya membuat Surat Akuan Sumpah ini adalah untuk kegunaan pihak SPAN.

Dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar, dan menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960 [*Akta 783*]

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui oleh
yang tersebut namanya di atas
di
di dalam negeri.....
pada , hb 2023

Dihadapan saya,

(Tandatangan Hakim Mahkamah Sesyen,
Majistret, Pesuruhjaya Sumpah atau Notari Awam)



Ringkasan bagi Permohonan Produk/Standard Baharu

Nama syarikat:

No	Perkara	Penerangan
1	Sistem/Produk	
2	Gambar	
3	Jenama	
4	Negara Pembuat	
5	Aplikasi	
6	Standard Pengujian	
7	Perbandingan standard/piawaian tersebut berbanding standard-standard yang disenaraikan di dalam Garis Panduan	
8	Kelebihan Produk	
9	Perbandingan dengan produk sediaada	